



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

11 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,176 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 358,222 kes. Sebanyak lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Keningau dan masing-masing satu (1) kes di Kota Kinabalu, Ranau, serta Beaufort. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,810 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 325,741 orang. Manakala 1,085 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 781 orang di hospital, 286 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 15 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 52 orang merangkumi 46 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di *open ward* (*HDW/kubikel akut*) dan 19 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes baharu bagi Sabah hari ini tidak banyak berubah dengan kedudukan semalam. Jumlah jangkitan baharu ialah 1,176 kes, peningkatan marginal 22 kes berbanding semalam.
- b. Secara perbandingan hanya 12 daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini. Perubahan jumlah kes harian berbanding sebelumnya adalah pada julat yang kecil kecuali di Kota Kinabalu (+91) dan Penampang (+74) yang mencatatkan peningkatan yang agak tinggi dan di Beaufort (-58) dan Sandakan (-47), yang menunjukkan penurunan yang agak signifikan. Kita boleh simpulkan bahawa, peningkatan dan penurunan kes harian dibeberapa daerah seperti Kota Kinabalu, Penampang dan Tuaran banyak mempengaruhi jumlah kes harian yang dilaporkan setiap hari.
- c. Sebanyak 64.54% daripada semua kes hari ini merupakan kes jangkitan sporadik dan penyumbang utama kes-kes baharu di 24 daripada 27 daerah di Sabah.
- d. Satu (1) kluster institusi pendidikan yang diisyiharkan tamat hari ini iaitu Kluster Jalan Terusan, yang melibatkan lokaliti di SMK Terusan, Lahad Datu. Baki kluster yang masih aktif diseluruh Sabah ialah 29 kluster.
- e. Tiga (3) daerah mencatatkan kes tiga (3) angka hari ini iaitu Kota Kinabalu 356 kes, Penampang 139 kes dan Papar 105 kes. Sebanyak 18 daerah lagi mencatatkan kes dua (2) angka dan enam (6) daerah pula mencatatkan kes satu (1) angka iaitu Kinabatangan, Nabawan, Kunak, Tongod, Semporna dan Kalabakan.
- f. Sebanyak 1,154 atau 98.13% daripada 1,176 kes-kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, sembilan (9) kes dalam Kategori 3, 10 kes dalam Kategori 4 dan tiga (3) kes dalam Kategori 5.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	280	23.81%
3	Bergejala	759	64.54%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	137	11.65%
JUMLAH		1,176	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (10 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 10/03/2022	Catatan Kes 11/03/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	265	356	+91
2	Penampang	65	139	+74
3	Tambunan	20	35	+15
4	Ranau	18	31	+13
5	Tawau	39	49	+10
6	Tenom	25	34	+9
7	Lahad Datu	29	34	+5
8	Kota Belud	27	32	+5
3	Telupid	11	16	+5
10	Pitas	16	19	+3
11	Sipitang	33	35	+2
12	Semporna	0	1	+1
13	Kalabakan	3	3	Mendatar
14	Beaufort	86	28	-58
15	Sandakan	76	29	-47
16	Keningau	57	26	-31
17	Kota Marudu	36	22	-14
18	Kuala Penyu	35	21	-14
19	Tuaran	91	81	-10
20	Putatan	40	34	-6
21	Kudat	20	14	-6
22	Kinabatangan	14	8	-6
23	Kunak	7	2	-5
24	Papar	109	105	-4
25	Nabawan	9	5	-4
26	Beluran	18	15	-3
27	Tongod	5	2	-3
JUMLAH		1,154	1,176	+22

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	59	253	0	44	356	8337
Penampang	0	38	96	0	5	139	2331
Papar	0	30	71	0	4	105	1819
Tuaran	0	35	39	0	7	81	2158
Tawau	0	11	31	0	7	49	1095
Sipitang	0	13	19	0	3	35	582
Tambunan	0	11	20	0	4	35	453
Putatan	0	9	24	0	1	34	1275
Lahad Datu	0	1	14	0	19	34	522
Tenom	0	3	29	0	2	34	779
Kota Belud	0	7	19	0	6	32	1084
Ranau	0	6	19	0	6	31	446
Sandakan	0	0	28	0	1	29	860
Beaufort	0	6	17	0	5	28	1136
Keningau	0	5	16	0	5	26	1237
Kota Marudu	0	9	10	0	3	22	651
Kuala Penyu	0	11	8	0	2	21	497
Pitas	0	13	4	0	2	19	298
Telupid	0	5	11	0	0	16	235
Beluran	0	5	8	0	2	15	238
Kudat	0	1	11	0	2	14	323
Kinabatangan	0	0	3	0	5	8	183
Nabawan	0	2	3	0	0	5	206
Kalabakan	0	0	2	0	1	3	84
Tongod	0	0	2	0	0	2	168
Kunak	0	0	1	0	1	2	103
Semporna	0	0	1	0	0	1	68
JUMLAH	0	280	759	0	137	1,176	27,168

- 6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,903 unit
- Hospital 1,655 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,893 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.73%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 11 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,162
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	3
Orang Dalam Tahanan /Banduan	9
Jumlah	1,176

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Turki	1
Indonesia	1
Jumlah	2

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	3
Jumlah	3

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,135
Bukan Malaysia	41
Jumlah	1,176

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	76
Belum Menerima Vaksin (5-11)	34
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	90
Menerima 1 Dos	26
Lengkap 2 Dos	534
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	416
Jumlah	1,176

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	21
1-4	55
5 -11	56
12-17	49
18-29	307
30-39	296
40-49	149
50-59	106
60-69	76
70-79	41
80-89	17
>90	3
Jumlah	1,176

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 10 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 8,213 orang. Daripada jumlah ini, seramai 6,553 orang adalah penduduk dewasa, 124 orang adalah penduduk remaja dan 1,536 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 10 Mac 2022 adalah seramai 2,535,012 orang. Ini meliputi 2,129,718 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.40% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,403,393 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,087,623 orang atau 76.85% adalah penduduk dewasa..
- 3 Seramai 331,749 orang atau 77.84% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 315,770 atau 74.09% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 73,545 atau 17.88% orang telah menerima 1 dos vakin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **684,511** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak empat (4) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
 - Empat (4) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 200 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 40 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 985 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 562 premis perniagaan dan 916 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 74 Premis Perniagaan melibatkan 40 anggota APM.

- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 129 anggota.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 100 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 290 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.6%
2	Beluran	98.5%
3	Keningau	98.5%
4	Kinabatangan	98.4%
5	Tenom	98.4%
6	Semporna	98.4%
7	Kota Marudu	98.2%
8	Kudat	98.1%
9	Kota Belud	98.1%
10	Beaufort	98.1%
11	Kota Kinabalu	98.1%
12	Sandakan	98%
13	Tawau	98%
14	Lahad Datu	98%
15	Ranau	98%
16	Sipitang	97.9%
17	Papar	97.9%
18	Penampang	97.9%
19	Tuaran	97.8%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II